

18/04/1997

Menilai semula pengorbanan diri

UMAT Islam di seluruh dunia hari ini menyambut Aidiladha atau Hari Raya Korban. Kita di Malaysia tidak ketinggalan merayakannya dengan mengambil iktibar pengorbanan yang ditunjukkan Nabi Muhammad dan pejuang Islam lain dalam menegakkan agama suci ini. Bagi mereka yang berada di Makkah, kita ucapkan selamat menunaikan rukun Islam kelima dengan sempurna dan dikurniakan haji mabrur. Kita percaya keluarga mereka di negara ini sentiasa mendoakan keselamatan mereka di sana. Walaupun berlaku kejadian kebakaran yang mengorbankan kira-kira 300 jemaah dari India, Pakistan dan Bangladesh di Mina, kita berharap umat Islam dapat bersabar dan menerimanya sebagai dugaan Allah.

Sebagai umat Islam, pengorbanan yang paling besar ialah menghadapi dugaan daripada Allah. Allah sentiasa menduga ketakwaan dan kesabaran kita dalam menjalani hidup ini. Kita perlu bersyukur kerana apa yang diberikan Allah kepada kita adalah kehendak-Nya. Namun tidak bermakna kita merelakan segala-segalanya. Allah membekalkan kita dengan akal fikiran supaya kita menggunakan kebijaksanaan untuk menghadapi segala dugaan. Sudah menjadi tugas kita untuk memajukan diri dan keluarga.

Sebenarnya, pengorbanan bagi umat Islam bukan sekadar penghayatan setahun sekali ketika menyambut Aidiladha, sebaliknya adalah sesuatu yang tidak pernah berakhir. Jika boleh dinilai, mungkin pengorbanan yang kita lakukan setakat ini masih begitu kecil, sama ada kepada agama, diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Oleh kerana negara aman dan stabil, kita tidak pernah melihat pengorbanan nyata dan ini menyebabkan kita semakin sukar memahami erti pengorbanan sebenar. Keadaan ini membuatkan kita leka dan mudah lupa diri.

Kita perlu akui pengorbanan kita kepada agama masih terlalu kecil. Kita bernasib baik kerana di negara ini Islam diterima sebagai cara hidup masyarakat, manakala kaum lain bebas mengamalkan cara hidup dan kepercayaan masing-masing. Di sesetengah negara, umat Islam terpaksa berdepan dengan pelbagai dugaan. Contohnya, di Amerika Syarikat, penduduk minoriti Islam terdedah kepada keganasan, diskriminasi, sikap berat sebelah dan gangguan. Ada pekerja wanita Islam diberhentikan kerja kerana memakai tudung kepala, manakala anak-anak orang Islam diganggu semata-mata kerana mereka beragama Islam.

Dengan pelbagai peristiwa yang menimpa umat Islam di beberapa negara di dunia hari ini, kita sepatutnya insaf bahawa pengorbanan mereka adalah terlalu besar untuk dinilai. Walaupun pengorbanan mereka kerana terpaksa, ia tetap mengajar kita supaya sentiasa bersedia. Kita perlu berkorban menyiapkan diri dengan setiap kekuatan lahir dan batin untuk membolehkan kita menjadi satu bangsa yang kuat. Hanya dengan cara itu sahaja kita dapat mempertahankan agama kita. Jika kita lemah segalanya, tidak ada jaminan kita boleh mempertahankan kesucian agama kita.

Sehubungan itu, kita berharap masyarakat Islam di negara ini dapat menghayati perutusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Aidiladha tahun ini yang mahu kita maju dalam pelbagai bidang, termasuk teknologi maklumat kerana dengan cara itu sahaja orang lain akan memandang tinggi dan menyanjung bangsa Melayu dan agama Islam. Keganasan dan sikap suka bermusuhan-musuhan tidak menjadikan agama dan umat Islam dihormati dan dipandang mulia, sebaliknya kita harus membuktikan bahawa sebagai penduduk sebuah negara Islam, kita bukan sahaja progresif dan dinamik, tetapi juga sanggup bertolak ansur dan adil terhadap orang lain.

Dalam pada itu, pengorbanan Aidiladha juga perlu dihayati sedalam-dalamnya. Pada hari mulia ini, marilah kita membetulkan sebarang kepincangan yang wujud di negara ini sama ada disengajakan atau tidak. Jika sayangkan Islam, tidak ada orang lain yang dapat membetulkan kesilapan kita, melainkan kita sendiri. Pengorbanan kita hendaklah berlandaskan jalan yang benar kerana Allah. Adalah sia-sia pengorbanan jika melakukan perkara yang salah kerana terbukti ia tidak mendatangkan sebarang keuntungan. Sebaliknya tindakan seperti itu akan melemahkan umat Islam apabila wujudnya puak-puak dalam Islam. Masa masih belum terlewat bagi kita kembali ke pangkal jalan dan menerima hakikat bahawa walaupun selama ini kita ditunjukkan kepada jalan yang salah, kita perlu berani membetulkannya. Kita percaya tidak ada di antara kita yang sanggup melihat Islam dipermainkan.

(END)